

15/08/2000

Orang ramai diminta tidak buat spekulasi

KLANG, Isnin - Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Tan Sri Muhammad Muhd Taib meminta orang ramai, khususnya rakyat Selangor tidak membuat spekulasi siapa yang layak menjadi Menteri Besar baru begitu juga dengan jawatan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri.

Beliau berkata, apa yang penting sekarang ialah membiarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memilih calon sesuai dan berwibawa untuk menduduki kerusi menteri besar.

Katanya, sekarang bukan masa sesuai untuk pemimpin negeri dan rakyat membuat komen mengenai dua kedudukan penting di Selangor itu kerana yang menjadi agenda pokok adalah melantik Menteri Besar terlebih dulu.

"Biarlah Perdana Menteri melantik MB dahulu kemudian baru Umno negeri akan bermesyuarat dan berbincang mengenai kedudukan Pengerusi Umno Negeri," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Ditanya sama ada beliau bersedia untuk kembali menerajui kepimpinan Umno negeri berikutan terdapat permintaan berbuat demikian, terutama dari kalangan anggota Umno, Muhammad berkata; "No komen. Terpulang kepada parti untuk membuat keputusan."

Beberapa pemerhati politik berpendapat hanya Muhammad yang sesuai menduduki kerusi Pengerusi Umno Selangor kerana beliau memiliki sokongan kuat daripada anggota parti dan rakyat.

Menurut mereka, pemimpin seperti Muhammad sukar dicari kerana beliau mampu 'survive' dalam apa juga keadaan sama ada susah atau senang dan ini tidak mampu dilakukan oleh orang lain.

Selain itu, Muhammad juga mampu menyatukan anggota parti bagi memantapkan dan mengembalikan semula kekuatan Umno.

Sementara itu, pejabat Berita Harian menerima banyak panggilan telefon daripada pemerhati politik yang memberikan pelbagai ramalan mengenai calon menteri besar baru.

Mereka berpendapat, calon yang sesuai ialah Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Setinggalan, Datuk Mohd Mokhtar Ahmad Dahlan kerana beliau mempunyai sokongan daripada anggota parti.

Bagaimanapun, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Pendidikan dan Pembangunan Kemanusiaan, Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad juga sesuai dilantik sebagai menteri besar kerana beliau sudah berpengalaman sebagai timbalan dan banyak mengendalikan isu berkaitan keagamaan dan pendidikan.

Dalam pada itu, beberapa pemanggil pula meramalkan seorang tokoh muda akan muncul untuk menerajui kerajaan negeri Selangor.

Mereka berpendapat Dr Mahathir perlu membuat pengumuman segera bagi mengelak perpecahan di kalangan ahli Umno, termasuk kemungkinan wujud kelompok yang mahu melobi untuk pemimpin negeri pilihan mereka.

Antara tokoh muda yang disebut ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Paya Jaras, Datuk Sulaiman Samat; Adun Sungai Panjang, Dr Mohd Khir Toyo dan Adun Beranang, Ahmad Kuris Mohd Nor.

Sumber memberitahu, Perdana Menteri dijangka mengumumkan nama Menteri Besar Selangor yang baru dalam minggu ini berikutan pengumuman saat akhir boleh menimbulkan kesulitan dalam mengendalikan persiapan untuk menyambut Hari Kebangsaan ke-43, 31 Ogos ini yang akan disambut di Shah Alam.

(END)